

Kerajaan tidak pernah nyatakan akan iktiraf UEC

BH - 20/7/2020 m/s: 2

Perlu mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk dipertimbang: PM

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak pernah menyatakan akan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dalam pertemuan beliau bersama pimpinan Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (Hua Zhong), Khamis lalu.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) dalam satu kenyataan semalam, menjelaskan Perdana Menteri se-

baliknya memaklumkan UEC perlu mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan sekiranya mahu dipertimbangkan penyelesaiannya oleh kerajaan pada masa hadapan.

“Berhubung isu pengiktirafan UEC yang dibangkitkan dalam pertemuan pimpinan Hua Zhong Bersama Perdana Menteri pada 16 Julai 2020, ingin dijelaskan bahawa Perdana Menteri tidak menyatakan kerajaan akan mengiktiraf UEC.


“Perdana Menteri menyebut bahawa UEC telah mendapat pengiktirafan sebahagian (partial recognition) apabila kerajaan pada masa lalu menerima lepasan UEC untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang pengkhususan Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM),” menurut kenyataan itu.

Menurut PMO, kerajaan pada 2012 menerima lepasan UEC untuk mengikuti program PISMP dalam bidang bahasa Cina dengan syarat mereka lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memperoleh sekurang-kurangnya gred kepujian dalam ba-

hasa Melayu.

Media melaporkan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP, Ronnie Liu Tian Khiew, mahu Muhyiddin mengotakan janji untuk UEC sebagaimana dijanjikan beliau dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), sewaktu masih bersama Pakatan Harapan (PH).

Turut dilaporkan dakwaan Hua Zhong bahawa Muhyiddin secara peribadi berharap pada suatu hari nanti kerajaan akan mengiktiraf UEC. Menurut pertubuhan itu, Muhyiddin menyatakan harapan itu ketika mereka mengadakan pertemuan di bangunan Parlimen.

 Berhubung isu pengiktirafan

UEC yang dibangkitkan dalam pertemuan pimpinan Hua Zhong Bersama Perdana Menteri

pada 16 Julai 2020, ingin dijelaskan bahawa Perdana Menteri tidak menyatakan kerajaan akan mengiktiraf UEC.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri